

Gubal akta jual benih padi tak sah

» Pihak berkuasa perlu pantau, kuat kuasa undang-undang

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my


► Kuala Lumpur

Malaysia perlu menggubal undang-undang mengawal penjualan benih tidak sah, dalam usaha melindungi industri padi negara.

Ini kerana benih padi yang tidak diluluskan Jabatan Pertanian, ketika ini masih dijual secara berleluasa termasuk menggunakan modus operandi, benih beg putih.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, berkata Malaysia perlu mencontohi Amerika Syarikat dan Jepun, dalam melindungi industri makanan ruji terbabit.

Beliau berkata, selain kawalan



Dr Abdul Shukor Juraimi

dan pemantauan pihak berkuasa secara menguatkuasa undang-undang, usaha meningkatkan kesedaran pesawah juga perlu dibuat supaya memahami penggunaan benih tidak sah merugikan semua pihak.

“Pada setiap musim, Jabatan Pertanian memeriksa ketulenan benih padi sebelum diluluskan sebagai benih sah untuk dijual kepada pesawah bagi memastikan ia tidak bercampur dengan padi angin yang tidak boleh di-

MERENTAS GENERASI

BENIH PADI ANGIN ANCAM BEKALAN BERAS

// KEGIATAN PIHAK TERTENTU MEMPERDAYA PESAWAH DENGAN MENJUAL BENIH DIDAKWA SAMA KUALITI dengan yang diiktiraf Jabatan Pertanian beri ancaman kepada pengeluaran padi

// PAKAR INDUSTRI RAMAL KEGIATAN PENJUALAN BENIH DIKENALI 'BEG PUTIH' jika tidak ditangani boleh sebabkan penghasilan makanan ruji negara merosot hingga 20 peratus

BERITA MUKA 12

MAYA SAHKAN SUDAH REDDITSAH DEN

Keratan laporan akhbar BH semalam.

tuai kerana mudah luruh.

“Masalah timbul, apabila hasil kawasan petak benih yang tidak diluluskan Jabatan Pertanian, masih dijual pihak tertentu kepada pesawah dengan menggunakan beg putih,” katanya kepada BH semalam.

Abdul Shukor yang juga saintis rumpai, mengulas laporan mengenai ramai pesawah negara ini yang terpedaya dengan penju-

lan benih tidak sah yang didakwa sama dengan jenis MR220CL2 yang turut dikenali sebagai Clearfield (CL).

Sebelum ini, purata pengeluaran padi negara sekitar 4.5 hingga 5 tan sehektar, namun penggunaan benih MR220CL2 yang turut dikenali sebagai Clearfield (CL), mampu meningkatkan hasil sehingga lebih 6 tan sehektar.

Beg putih merujuk kepada pembungkusan benih padi tidak sah atau mungkin bercampur dengan padi angin, menyebabkan tidak diluluskan Jabatan Pertanian untuk jualan kepada petani bagi dijadikan benih.

Benih tidak sah itu kini menjadi ancaman kepada industri padi negara hingga pakar mera-

malkan pengeluaran sara diri (SSL) bekalan beras negara boleh jatuh dari paras semasa 70 peratus dalam tempoh empat musim akan datang jika tidak dibendung.

Difahamkan, setiap syarikat pengeluaran benih diberi kuota pengeluaran yang ditetapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pengeluar ambil kesempatan

Namun ada pengeluar tidak dilantik mengambil kesempatan menjalankan kegiatan sama sebelum menjual hasilnya kepada petani yang menyangka mampu memperoleh hasil tuaian sama seperti CL tulen.

Abdul Shukor berkata, isu benih beg putih amat kritikal kerana mempunyai kesan jangka panjang kepada pengeluaran padi negara, sekali gus menjejaskan hasrat kerajaan mencapai SSL 100 peratus menjelang 2020.

Beliau berkata, padi angin adalah masalah yang membelenggu pesawah negara ini sejak awal tahun 2000 dan ada kajian menunjukkan ia kini boleh mengurangkan hasil petani sehingga 80 peratus.

Sementara itu, sumber yang rapat dengan proses penyediaan benih padi, berkata hanya empat syarikat diberi lesen mengeluarkan benih CL bagi mengawal kualitinya.

Katanya, pengeluar yang mendalangi penjualan benih padi beg putih dipercayai adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai loji pemprosesan tetapi tidak mendapat lesen penghasilan benih terbabit.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online